

# Public Liability Policy

---

**WHEREAS** the Insured named in the Schedule hereto carrying on the Trade or Business described in the Schedule and no other for the purposes of this indemnity by a proposal and declaration which shall be the basis of this contract and is deemed to be incorporated herein has applied to Zurich General Insurance Malaysia Berhad (hereinafter called "the Company") for the Indemnity hereinafter expressed and has paid or agreed to pay the Premium stated in the Schedule as consideration for such indemnity for the Period of Insurance stated in the Schedule.

**NOW THIS POLICY WITNESSETH** that subject to the terms exceptions and conditions contained herein or endorsed or otherwise expressed hereon the Company will grant the Insured the Indemnity as defined herein in respect of liability arising from accidents occurring during the Period of Insurance stated in the Schedule or during any Period for which the Company may accept payment for the renewal of this Policy.

Provided that the liability of the Company for compensation to any claimant or claimants shall be limited:-

- (a) In respect of any one accident (the expression " accident " meaning any one accident or series of accidents arising out of one event irrespective of the number of claims that may arise therefrom) to the sum stated in the Schedule.
- (b) During any one Period of Insurance to the sum stated in the Schedule.

## **EXCEPTIONS**

The indemnity expressed in this Policy shall not apply to or include:-

1. liability assumed by the Insured by agreement unless such liability would have attached to the Insured notwithstanding such agreement.
2. liability in respect of injury to any person who at the time of sustaining such injury is a member of the Insured's own family or is engaged in the service of the Insured or for compensation claimed from the Insured by an injured person or dependant under any Workmen's Compensation Legislation or any legislation relating to occupational injury.
3. liability in respect of loss of or damage to property:-
  - (a) belonging to or in the charge or under the control of the Insured or of any servant or agent of the Insured.
  - (b) being that part of any goods or land or building or structure on which the Insured or any servant or agent of the Insured is or has been working.
  - (c) caused by or through or in connection with the bursting of any economiser used in conjunction with a steam boiler or any boiler vessel or other apparatus which is intended to operate under internal pressure due to steam and belonging to or in the charge or under the control of the Insured.
4. liability in respect of injury or damage caused by or in connection with or arising from:-
  - (a) the ownership or possession or use by or on behalf of the Insured of any animal cycle vehicle locomotive vessel of any kind aircraft lift elevator escalator crane hoist or other lifting machinery not specified in the Schedule under the heading of Plant.
  - (b) work which is being undertaken or has been undertaken by the Insured to any watercraft or thing made or intended to float on or in travel through water or space.
  - (c) fire earthquake explosion flood fumes or water pollution.
  - (d) defective sanitary installation.
  - (e) property goods food or drink or the containers thereof sold supplied or constructed or property or goods which have been repaired altered renovated serviced or installed and no longer in the Insured's possession or control, or poisoning or contamination of any kind.

- (f) error or omission in design specification or advice remedial or other treatment given administered or prepared by the Insured or by any person acting on behalf of the Insured but the words advice remedial or other treatment shall have no application in respect of any employee of the Insured acting in the capacity of Industrial Nurse on behalf of the Insured.
  - (g) breach of professional duty by reason of any act, error or omission, whenever or wherever committed alleged to have been committed.
5. liability in respect of or arising from damage to any land or property or building caused by vibration or by the removal or weakening of support.
  6. liability for any consequence whether direct or indirect of War Invasion Act of Foreign Enemy Hostilities (whether War be declared or not) Civil War Rebellion Revolution Insurrection Riot Civil Commotion Military or Usurped Power and in the event of any claim hereunder the Insured shall when so required by the Company prove that the claim arose independently of and was in no way connected with or occasioned by or contributed to by or traceable to any of the said occurrences or any consequence thereof and in default of such proof of the Company shall not be liable to make any payment in respect of such a claim.
  7. liability of whatsoever nature resulting from or arising from or any consequential loss:-
    - (a) directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from ionising radiations or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or from any nuclear waste from the combustion of nuclear fuel. For the purpose of this exception combustion shall include any self-sustaining process of nuclear fission.
    - (b) directly or indirectly caused by or contributed to by or arising from nuclear weapons materials.
  8. liability of whatsoever nature for:-
    - (a) personal injury or bodily injury or loss of, damage to or loss of use of property directly or indirectly caused by seepage, pollution or contamination.
    - (b) the cost of removing, nullifying or cleaning-up seeping, polluting or contaminating substances.
    - (c) fines, penalties, punitive or exemplary damages.

#### **THE INDEMNITY**

Subject to the Limit of Liability stated in the Schedule the Company will indemnify the Insured in respect of:-

- a. All sums which the Insured shall become legally liable to pay for compensation in respect of
  - 1) Accidental bodily injury to any person
  - 2) Accidental damage to property
 caused on or about The Premises in connection with the Business of the Insured as stated in the Schedule.
- b. All costs and expenses of litigation
  - 1) Recovered from the Insured by any claimant or claimants
  - 2) Incurred with the written consent of the Company
 in respect of a claim against the Insured for compensation to which the Indemnity expressed in the Policy applies.

#### **JURISDICTION CLAUSE**

The Indemnity expressed in this Policy shall not apply to or include:-

- (a) compensation for damages in respect of judgements not in the first instance delivered or obtained from a Court of competent jurisdiction within Malaysia.
- (b) costs and expenses of litigation recovered by claimants from the Insured which are not incurred in and recoverable in Malaysia.

#### **DEDUCTIBLE CLAUSE**

The Company shall not be liable for the deductible stated in the Schedule to be borne by the Insured in any one occurrence.

#### **CONDITIONS**

This Policy and the Schedule shall be read together as one Contract and any word or expression to which a specific meaning has been attached in any part of this Policy or of the Schedule shall bear such specific meaning wherever it may appear.

1. The due observance and fulfilment of the terms, conditions and endorsements of this Policy in so far as they relate to anything to be done or complied with by the Insured and the truth of the statements and answers in the said proposal shall be conditions precedent to any liability of the Company to make any payment under this Policy.
2. Every notice or communication to the Company shall be in writing and sent to the Branch of the Company from which this Policy was issued and notice or knowledge of anything relating to this Policy or any claim hereunder or with reference to any of the property or premises insured hereunder shall not be deemed to be notice to or within the knowledge of the Company unless so given. No alteration in the terms of this Policy, nor any endorsement thereon, will be held valid unless the same is signed or initialled by an authorised representative of the Company.
3. The Insured shall give notice to the Company of any accident or claim or proceedings immediately the same shall have come to the knowledge of the Insured or his representative.
4. The Insured shall not without the consent in writing of the Company repudiate liability negotiate or make any admission offer promise or payment in connection with any accident or claim and the Company shall be entitled if it so desires to take over the conduct in the name of the Insured the defence of any claim or to prosecute in the name of the Insured at its own expense and for its own benefit any claim for indemnity or damage or otherwise against any persons and shall have full discretion in the conduct of any proceedings and in the settlement of any claim and the Insured shall give all such information and assistance as the Company may require.
5. If it shall so desire the Company may at any time or stage of proceeding discharge its liability hereunder by paying to the Insured the Limit of Liability in respect of any one accident or the balance of such Limit of Liability if any payment has already been made in respect of any claims arising out of the accident and in the event of it so doing the Company shall cease to have the conduct and control of the negotiations, action or proceedings in connection with the claims and shall not be responsible for any costs or expenses in connection therewith incurred after the date of the payment aforesaid nor for any loss which the Insured may claim to have sustained by reason of the Company having acted as herein provided.
6. If at the time of any claim arising under this Policy there shall be any other insurance covering the same risk or any part thereof the Company shall not be liable for more than its rateable proportion thereof.
7. If at any time or from time to time any change shall occur materially varying any of the facts existing at the date of the proposal the Insured shall within seven days give notice to the Company and shall pay such additional premium as the Company may require.
8. The Company may at any time by giving 7 days' notice to the Insured by registered letter at the Insured's address as last known to the Company be at liberty to cancel this Policy provided that the Company shall in that event on demand return to the Insured a proportionate part of the Premium corresponding to the unexpired Period of Insurance. This Policy may be cancelled at any time by the Insured on 7 days' notice to the Company and in such event the Insured shall be entitled to a return premium less premium at the Company's Short Period Rates for the time the Policy has been in force during the then current Period of Insurance.

Please Attach Policy Schedule Here  
Sila Lampirkan Jadual Polisi Di Sini

9. The Insured shall exercise reasonable care that only steady sober and competent employees are employed that all buildings way works plant machinery furniture and fittings are substantial and sound and in proper order and fit for the purposes for which they are used and that all statutory requirements and all by-laws and regulations imposed by any public authority are duly observed and complied with. Upon any defect being brought to his notice the Insured shall forthwith proceed to make good the same and shall take such temporary precautions to prevent accident as the circumstances may require but so far as practicable no alteration or repair shall without the consent of the Company be made after any occurrence covered by this Policy until the Company shall have had an opportunity of inspecting. The Company shall at all reasonable times have free access to inspect any property. In the event of any defect or danger being apparent to the Company's inspector, the Company may give notice in writing to the Insured and there upon all liability of the Company in respect thereof or arising therefrom shall be suspended until the same be made good or remedied removed to the satisfaction of the Company.
10. All differences arising out of this Policy shall be referred to the decision of an Arbitrator to be appointed in writing by parties in difference or if they cannot agree upon a single Arbitrator to the decision of two Arbitrators one to be appointed in writing by each of the parties within one calendar month after having been required in writing so to do by either of the parties or in case the Arbitrators do not agree of an Umpire appointed in writing by Arbitrators before entering upon the reference. The Umpire shall sit with the Arbitrators and preside at their meetings and the making of an Award shall be a condition precedent to any right of action against the Company. If the Company shall disclaim liability to the Insured for any claim hereunder and such claim shall not within twelve calendar months from the date of such disclaimer have been referred to arbitration under the provisions herein contained then the claim shall for all purposes be deemed to have been abandoned and shall not thereafter be recoverable hereunder.

### **PREMIUM WARRANTY**

It is fundamental and absolute special condition of this Contract of Insurance that the premium due must be paid and received by the insurer within sixty (60) days from the inception date of this Policy/Endorsement/Renewal Certificate.

If this condition is not complied with then this contract is automatically cancelled and the insurer shall be entitled to the pro rata premium on the period they have been on risk.

Where the premium payable pursuant to this warranty is received by an authorised agent of the insurer, the payment shall be deemed to be received by the insurer for the purposes of this warranty and the onus of proving that the premium payable was received by a person, including an insurance agent, who was not authorised to receive such premium shall lie on the insurer.

Subject otherwise to the terms and conditions of this Policy.

## PROCEDURES FOR MAKING INSURANCE COMPLAINTS

Please examine your insurance policy to ensure that it meets your requirement.

To avoid misunderstanding, it is very important that the Policy, the Schedule and any Endorsements attached therein be read thoroughly.

If you have any complaints or grievances pertaining to your policy, please contact your agent, if any, or get in touch with our issuing office. We assure you that your complaints will be attended to promptly.

As a responsible insurer, we wish to bring to your attention that you could also address your dissatisfaction to the Ombudsman for Financial Services (OFS) or to Bank Negara Malaysia's Customer Service Bureau (CSB) as listed below.

### Procedures for complaint to OFS

If you are not satisfied with the decision of the Company, you may write to the Mediator with details of the dispute and particulars of your policy.

If the Mediator makes an award against the Company, you are required to inform the Mediator of your decision to accept or deny the award within fourteen (14) days.

If you do not accept the award, you may reject the decision of the Mediator. You are free to institute a court proceeding against the Company or refer it to Arbitration.

You may lodge a complaint with the company at:

#### **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

You may communicate with OFS at:

#### **Ombudsman for Financial Services**

(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 603-2272 2811 Fax: 603-2272 1577 Email: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

### Procedures for complaint to CSB

Alternatively you may put forward your dissatisfaction over the conduct of the Company by writing to CSB giving details of your complaint and particulars of your policy to :

#### **BNM LINK**

Corporate Communications Department, Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465 (LINK) Fax: 03-2174 1515 Email: telelink@bnm.gov.my

#### **TAX PROVISION**

All premium and fees payable under this Policy may be subject to Tax. If Tax is imposed, it will be stated in the invoice and Zurich General Insurance Malaysia Berhad reserves the right to claim or collect the Tax from the Insured in addition to the premium and/or fees payable under this Policy.

Tax shall mean any present or future, direct or indirect, tax, levy or duty, including consumption tax or any tax of similar nature, which is imposed on goods and services by government or tax authority.

#### **Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (1249516-V)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622  
www.zurich.com.my

# Polisi Tanggungan Awan

---

**BAHAWASANYA** Yang Diinsuranskan yang dinamakan dalam Jadual kepada polisi ini yang menjalankan Perdagangan atau Perniagaan yang dihuraikan dalam Jadual dan bukan yang lain bagi tujuan Perlindungan Kerugian ini, menerusi satu cadangan dan perakuan yang menjadi asas bagi kontrak ini dan dianggap sebagai terkandung di dalamnya, telah memohon kepada Zurich General Insurance Malaysia Berhad (seterusnya dirujuk sebagai "Syarikat") untuk Perlindungan Kerugian yang terkandung seterusnya dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar Premium yang dinyatakan dalam Jadual sebagai pertimbangan untuk mendapatkan Perlindungan Kerugian sedemikian bagi Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual.

**MAKA POLISI INI MEMPERAKUI** bahawa tertakluk kepada peraturan-peraturan, pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam polisi ini atau diendorskan atau secara lain dinyatakan bersamanya, Syarikat akan memberi Perlindungan Kerugian kepada Yang Diinsuranskan seperti yang ditafsirkan di sini terhadap tanggungan akibat daripada kemalangan yang berlaku dalam Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual atau dalam sebarang tempoh untuk mana Syarikat telah menerima bayaran bagi pembaharuan Polisi ini.

**DENGAN SYARAT BAHAWA** tanggungan Syarikat bagi bayaran pampasan kepada sebarang pihak atau pihak-pihak yang menuntut adalah terhad kepada:-

- (a) Bagi mana-mana satu kemalangan (istilah "kemalangan" bermakna mana-mana satu kemalangan atau siri kemalangan yang timbul daripada satu kejadian tanpa mengira bilangan tuntutan yang timbul daripadanya), jumlah yang dinyatakan dalam Jadual.
- (b) Dalam mana-mana satu Tempoh Insurans, jumlahnya yang dinyatakan dalam Jadual.

## PENGEQUALIAN

Perlindungan Kerugian yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak meliputi atau merangkumi:-

1. Tanggungan yang diterima oleh Yang Diinsuranskan melalui perjanjian melainkan tanggungan sedemikian terpaksa diterima oleh Yang Diinsuranskan walaupun tiada perjanjian tersebut.
2. Tanggungan terhadap kecederaan kepada sesiapa yang pada masa berlakunya kecederaan tersebut adalah anggota keluarga Yang Diinsuranskan atau sedang berkhidmat dengan Yang Diinsuranskan atau bagi pampasan yang dituntut daripada Yang Diinsuranskan oleh seorang yang cedera atau tanggungannya di bawah mana-mana Undang-Undang Pampasan Pekerja.
3. Tanggungan terhadap kehilangan atau kerosakan harta benda yang:-
  - (a) Dimiliki oleh atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan Yang Diinsuranskan atau mana-mana orang upahan atau ejen Yang Diinsuranskan.
  - (b) Menjadi sebahagian daripada mana-mana barangan atau tanah atau bangunan atau struktur tempat di mana Yang Diinsuranskan atau mana-mana orang upahan atau ejennya sedang atau telah bekerja.
  - (c) Disebabkan oleh atau melalui atau berkaitan dengan pecahan sebarang alat penjimat yang digunakan bersama dandang wap atau sebarang bekas dandang atau peralatan lain yang perlu beroperasi di bawah tekanan dalaman menggunakan wap dan dimiliki oleh atau di bawah jagaan atau di bawah kawalan Yang Diinsuranskan.

4. Tanggungan terhadap kecederaan atau kerosakan yang disebabkan oleh atau berkaitan dengan atau timbul daripada:-
  - (a) Pemilikan atau kepunyaan atau penggunaan oleh atau bagi pihak Yang Diinsuranskan sebarang binatang, basikal, kenderaan, lokomotif, sebarang jenis kapal, pesawat, lif, tangga bergerak, kren, tali angkut atau sebarang mesin pengangkat lain yang tidak dinyatakan dalam Jadual di bawah tajuk Loji.
  - (b) Kerja-kerja yang sedang dijalankan atau telah dijalankan oleh Yang Diinsuranskan terhadap sebarang kenderaan air atau benda yang dibuat atau bertujuan untuk terapung atau bergerak dalam air atau angkasa.
  - (c) Kebakaran, gempa bumi, letupan, banjir, asap atau pencemaran air.
  - (d) Peralatan tandas yang rosak.
  - (e) Hartanah, barangan, makanan atau minuman atau bekasnya yang dijual, dibekalkan atau dibina atau hartanah atau barangan yang telah diperbaiki, diubah, diubahsuai, diselenggara atau dipasang dan tidak lagi dalam pemilikan atau kawalan Yang Diinsuranskan, atau sebarang jenis keracunan atau pencemaran.
  - (f) Kesilapan atau yang tertinggal dalam spesifikasi reka bentuk atau nasihat, rawatan pemulihan atau rawatan lain yang diberikan, diuruskan atau disediakan oleh Yang Diinsuranskan atau sesiapa yang bertindak bagi pihak Yang Diinsuranskan, akan tetapi kata-kata nasihat, rawatan pemulihan atau rawatan lain tidak boleh digunakan berkaitan dengan mana-mana kakitangan Yang Diinsuranskan yang bertindak sebagai Jururawat Perindustrian bagi pihak Yang Diinsuranskan.
  - (g) kemungkiran tugas profesional disebabkan oleh sebarang tindakan, kesilapan atau pengabaian, pada bila-bila masa atau di mana-mana ia dilakukan atau dituduh dilakukan.
5. Tanggungan terhadap atau yang timbul daripada kerosakan kepada sebarang tanah atau hartanah atau bangunan yang diakibatkan oleh gegaran atau oleh sokongannya ditanggalkan atau dilemahkan.
6. Tanggungan untuk sebarang akibat sama ada secara langsung atau tidak langsung daripada Peperangan, Serangan, Tindakan Musuh Asing, Pertempuran (sama ada Peperangan diisytiharkan atau tidak) Perang Saudara, Pemberontakan, Revolusi, Penderhakaan, Rusuhan, Kekacauan Awam, Kuasa Tentera atau Rampasan Kuasa dan sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah ini, Yang Diinsuranskan dikehendaki apabila diperlukan oleh Syarikat, membuktikan bahawa tuntutan tersebut telah timbul secara asing daripada dan tiada kaitan langsung dengan atau disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau boleh dikesan kepada sebarang kejadian di atas atau sebarang akibat daripadanya, dan jika tiada bukti sedemikian, Syarikat tidak bertanggungjawab membuat sebarang pembayaran bagi tuntutan tersebut.
7. Tanggungan dalam sebarang bentuk akibat daripada atau timbul daripada atau sebarang kehilangan yang berbangkit:-
  - (a) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau timbul daripada radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear yang berkekalan sendiri.
  - (b) Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau antara lain disebabkan oleh atau yang timbul daripada bahan-bahan senjata nuklear.
8. Tanggungan dalam sebarang bentuk untuk:
  - (a) Kecederaan peribadi atau kecederaan badan atau kehilangan apa-apa, atau kerosakan pada atau kehilangan penggunaan apa-apa harta benda secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh kebocoran, pencemaran atau kontaminasi.
  - (b) Kos membuang, menghilangkan kesan atau membersihkan bahan kebocoran, pencemaran dan kontaminasi.
  - (c) Denda, penalti, ganti rugi penghukuman atau teladan.

## **PERLINDUNGAN KERUGIAN**

Tertakluk kepada Had Tanggungan yang dinyatakan dalam Jadual, Syarikat akan menanggung kerugian Yang Diinsuranskan terhadap:

- a. Semua jumlah di mana Yang Diinsuranskan dikehendaki membayar di bawah undang-undang sebagai pampasan terhadap:
  - 1) Kecederaan badan akibat kemalangan yang dialami oleh sesiapa
  - 2) Kerosakan harta benda akibat kemalangan yang berlaku di atau di sekitar Premis yang berkaitan dengan Perniagaan Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.
 yang berkaitan dengan Perniagaan Yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan dalam Jadual
- b. Semua kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang yang
  - 1) Diperolehi semula daripada Yang Diinsuranskan oleh pihak atau pihak-pihak yang menuntut.
  - 2) Ditanggung dengan kebenaran bertulis daripada Syarikat berkaitan dengan sesuatu tuntutan terhadap Yang Diinsuranskan bagi pampasan yang diliputi oleh Perlindungan Kerugian dalam Polisi ini.
 berkaitan dengan sesuatu tuntutan terhadap Yang Diinsuranskan bagi pampasan yang diliputi oleh Perlindungan kerugian dalam Polisi ini.



## **KLAUSA BIDANG KUASA**

Tanggungjawab kerugian yang dinyatakan dalam Polisi ini tidak meliputi atau merangkumi:-

- (a) bayaran untuk ganti rugi di bawah keputusan yang pada asalnya tidak dibuat oleh atau diperolehi daripada Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten di Malaysia.
- (b) kos dan perbelanjaan tindakan undang-undang yang diperolehi semula oleh pembuat tuntutan daripada Yang Diinsuranskan yang tidak dibayar di Malaysia dan tidak diperolehi semula di Malaysia.

## **KLAUSA PEMOTONGAN**

Syarikat tidak akan menanggung pemotongan yang dinyatakan dalam Jadual yang perlu ditanggung oleh Yang Diinsuranskan bagi mana-mana satu kejadian.

## **SYARAT-SYARAT**

Polisi ini dan Jadualnya hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan sebarang perkataan atau pernyataan yang disertakan dengan makna khusus dalam mana-mana bahagian Polisi atau Jadual hendaklah membawa makna khusus yang sama di mana juga ia digunakan.

1. Adalah menjadi syarat sebelum Syarikat menerima sebarang tanggungan untuk sebarang pembayaran di bawah Polisi ini, Yang Diinsuranskan dengan sewajarnya mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, syarat-syarat dan endorsemen kepada Polisi ini setakat yang melibatkan apa yang harus dilakukan atau tidak dilakukan olehnya dan kebenaran kenyataan dan jawapan yang diberikan dalam Cadangan.
2. Setiap notis atau komunikasi kepada Syarikat hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Cawangan Syarikat yang mengeluarkan Polisi ini dan notis atau pengetahuan tentang sebarang perkara berkaitan dengan Polisi ini atau sebarang tuntutan di bawahnya atau yang berkaitan dengan sebarang hartanah atau premis yang diinsuranskan di bawahnya tidak akan dianggap sebagai notis kepada atau dalam pengetahuan Syarikat melainkan ia telah diberikan. Sebarang perubahan kepada peraturan-peraturan Polisi ini, atau sebarang endorsemen kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau dipaparkan oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat.
3. Yang Diinsuranskan hendaklah memberi notis kepada Syarikat mengenai sebarang kemalangan atau tuntutan atau prosiding sebaik sahaja ianya diketahui oleh Yang Diinsuranskan atau wakilnya.
4. Yang Diinsuranskan tanpa kebenaran bertulis Syarikat tidak boleh menolak tanggungan, merunding atau membuat sebarang pengakuan, tawaran, janji atau pembayaran berkaitan dengan sebarang kemalangan atau tuntutan dan Syarikat berhak, jika berhasrat demikian, untuk mengambil alih dan menjalankan, di atas nama Yang Diinsuranskan, pembelaan sebarang tuntutan atau membuat dakwaan di atas nama Yang Diinsuranskan atas perbelanjaannya sendiri dan untuk faedahnya sendiri terhadap sebarang tuntutan bagi tanggungan kerugian atau ganti rugi atau selainnya terhadap sesiapa dan boleh menggunakan budi bicara sendiri sepenuhnya dalam menjalankan sebarang prosiding dan menyelesaikan sebarang tuntutan, dan Yang Diinsuranskan dikehendaki memberi segala maklumat dan bantuan yang mungkin diperlukan oleh Syarikat.
5. Jika ia berhasrat demikian, Syarikat boleh pada bila-bila masa atau peringkat prosiding menjelaskan tanggungannya di bawah Polisi ini dengan membayar kepada Yang Diinsuranskan jumlah Had Tanggungan terhadap mana-mana satu kemalangan atau baki Had Tanggungan tersebut jika sebarang bayaran sudah pun dibuat untuk sebarang tuntutan yang timbul daripada kemalangan itu, dan sekiranya ia berbuat demikian Syarikat tidak boleh lagi menjalankan atau mengawal rundingan, tindakan atau prosiding berkaitan dengan tuntutan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos dan perbelanjaan berhubung dengannya selepas tarikh pembayaran yang disebut tadi atau terhadap sebarang kerugian yang didakwa ditanggung oleh Yang Diinsuranskan berpunca daripada Syarikat bertindak secara demikian.
6. Jika pada waktu sebarang tuntutan dibuat di bawah Polisi ini terdapat sebarang insurans lain yang melindungi risiko yang sama atau mana-mana bahagian daripadanya, Syarikat tidak bertanggungjawab membayar lebih daripada bahagian perkadarannya.
7. Jika pada sebarang masa atau dari masa ke semasa sebarang perubahan berlaku yang mengubah sebarang fakta yang wujud pada tarikh cadangan, Yang Diinsuranskan hendaklah, dalam tempoh tujuh hari, memberi Notis kepada Syarikat dan hendaklah membayar sebarang premium tambahan seperti mana diperlukan oleh Syarikat.

8. Syarikat berhak pada bila-bila masa, dengan memberi notis 7 hari kepada Yang Diinsuranskan menerusi surat berdaftar ke alamat terakhirnya yang diketahui oleh Syarikat, membatalkan Polisi ini dengan syarat sekiranya ini berlaku Syarikat hendaklah, apabila diminta, memulangkan kepada Yang Diinsuranskan bahagian perkadaran premium yang bersamaan dengan Tempoh Insurans yang belum lupus. Polisi ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Yang Diinsuranskan dengan memberi notis 7 hari kepada Syarikat dan sekiranya ini berlaku Yang Diinsuranskan adalah berhak mendapat bayaran balik premium setelah ditolak premium dikira pada Kadar Jangka Pendek Syarikat bagi tempoh Polisi ini telah berkuatkuasa dalam Tempoh Insurans Semasa.
9. Yang Diinsuranskan hendaklah mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa hanya kakitangan yang wajar, waras dan cekap diambil bekerja, bahawa semua bangunan, laluan, loji, kilang, mesin, perabot dan kelengkapan dibina dengan teguh dan selamat dan berada dalam keadaan baik dan sesuai untuk tujuan ia digunakan, dan bahawa segala keperluan berkanun dan segala undang-undang kecil dan peraturan yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa awam dipenuhi dan dipatuhi. Apabila diberitahu tentang sebarang kerosakan, Yang Diinsuranskan hendaklah dengan serta-merta bertindak untuk membaikinya dan mengambil langkah berjaga-jaga sementara yang diperlukan dalam keadaan itu untuk mencegah kemalangan, tetapi sejauh mana yang wajar sebarang perubahan atau pembaikan tidak boleh dibuat tanpa kelulusan Syarikat selepas berlakunya sebarang kejadian yang dilindungi oleh Polisi ini sehingga Syarikat telah mendapat peluang untuk memeriksanya. Syarikat pada bila-bila masa yang munasabah hendaklah diberikan laluan untuk memeriksa sebarang harta benda. Sekiranya sebarang kekurangan atau bahaya dikesan oleh Pemeriksa Syarikat, Syarikat boleh memberi notis secara bertulis kepada Yang Diinsuranskan dan setelah ia diberikan segala tanggungan Syarikat yang berkaitan dengannya atau timbul daripadanya akan digantung sehingga ianya diperbaiki atau diatasi atau dialihkan dengan cara yang memuaskan kehendak Syarikat.
10. Segala percanggahan yang timbul daripada Polisi ini hendaklah diputuskan oleh seorang Penimbangtara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah, jika mereka tidak bersetuju dengan Penimbangtara tunggal, hendaklah diputuskan oleh dua Penimbangtara yang masing-masing dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak, dalam tempoh satu bulan selepas diperlukan berbuat demikian secara bertulis oleh salah satu pihak, atau seandainya kedua-dua Penimbangtara tidak boleh mencapai persetujuan maka ia hendaklah diputuskan oleh seorang Pengadil yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbangtara sebelum mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan duduk bersama kedua-dua Penimbangtara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan satu Keputusan mesti dibuat sebagai syarat sebelum mana-mana pihak berhak mengambil tindakan terhadap Syarikat. Jika Syarikat menolak tanggungan kepada Yang Diinsuranskan terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini dan tuntutan tersebut tidak dirujuk untuk penimbangtaraan di bawah peruntukan yang terkandung di sini dalam tempoh 12 bulan dari tarikh penolakan tanggungan tersebut, maka tuntutan tersebut akan dianggap sebagai diabaikan dan tidak boleh diteruskan selepas itu di bawah Polisi ini.

## **WARANTI PREMIUM**

Syarat penting dan mutlak khusus bagi Kontrak Insurans ini ialah bahawa premium kena dibayar mestilah dibayar dan diterima oleh penanggung Insurans dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan Polisi/Pengendorsan/Sijil Pembaharuan.

Jika syarat ini tidak dipatuhi maka kontrak ini dibatalkan secara automatik dan penanggung insurans adalah berhak terhadap premium prorata dalam tempoh mereka menanggung risiko.

Sekiranya premium yang perlu dibayar selaras dengan waranti ini diterima oleh ejen sah penanggung insurans, pembayaran hendaklah dianggap diterima oleh penanggung insurans untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab bahawa premium perlu dibayar diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut hendaklah dipertanggungjawabkan kepada penanggung insurans.

Selainnya tertakluk kepada terma dan syarat Polisi ini.

## **TATACARA UNTUK MEMBUAT ADUAN INSURANS**

Sila periksa polisi insurans untuk memastikan bahawa ia memenuhi keperluan anda.

Bagi mengelakkan salah tafsiran, adalah penting bahawa Polisi, Jadual dan sebarang Endorsemen yang dilampirkan di sini dibaca keseluruhannya.

Jika anda mempunyai sebarang aduan atau ketidakpuasan hati berkenaan polisi anda, sila hubungi ejen anda, sekiranya ada, atau hubungi pejabat di mana polisi dikeluarkan.

Sebagai penginsurans yang bertanggungjawab, kami ingin memaklumkan bahawa anda juga boleh menyuarakan ketidakpuasan hati anda kepada Ombudsman for Financial Services atau kepada Pusat Khidmat Pelanggan, Bank Negara Malaysia yang disenaraikan di bawah.

### **Tatacara aduan kepada Ombudsman for Financial Services**

Jika anda tidak berpuashati dengan keputusan pihak Syarikat, anda boleh menulis kepada pihak Pengantara dengan menyertakan maklumat mengenai percanggahan dan butir-butir polisi anda.

Jika pihak Pengantara membuat keputusan menyangkal tindakan Syarikat, anda dikehendaki memaklumkan pihak Pengantara mengenai keputusan anda untuk menerima atau menolak keputusan pihak Pengantara dalam masa empat belas (14) hari.

Jika anda tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, anda boleh menolak keputusan Pengantara. Anda bebas untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap pihak Syarikat atau merujukkannya kepada pihak Penimbangtaraan.

Anda boleh membuat aduan dengan pihak syarikat di:

#### **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Anda boleh menghubungi Ombudsman for Financial Services di

#### **Ombudsman for Financial Services**

(Dahulu di kenali sebagai Financial Mediation Bureau)  
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.  
Tel: 603-2272 2811 Faks: 603-2272 1577 E-mel: enquiry@ofs.org.my Website: www.ofs.org.my

Tatacara aduan kepada Pusat Khidmat Pelanggan

Sebagai pilihan, anda boleh mengemukakan ketidakpuasan hati anda mengenai tindakan Syarikat dengan menulis kepada Pusat Khidmat Pelanggan dengan menyertakan aduan dan butir-butir polisi anda kepada :

#### **BNM LINK**

Corporate Communications Department, Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465 (LINK) Faks: 03-2174 1515 E-mel: telelink@bnm.gov.my

#### **PERUNTUKAN CUKAI**

Semua premium dan yuran di bawah Polisi ini mungkin tertakluk kepada Cukai. Sekiranya Cukai dikenakan, ia akan dinyatakan dalam invoice dan Zurich General Insurance Malaysia Berhad berhak untuk menuntut atau mengutip Cukai daripada pemilik polisi yang Diinsuranskan sebagai tambahan kepada premium dan/atau yuran yang perlu dibayar di bawah Polisi ini.

Cukai ialah apa-apa bayaran semasa atau akan datang, langsung atau tidak langsung, cukai, levi atau duti termasuk cukai penggunaan atau apa-apa cukai seumpamanya, yang dikenakan kepada barangan atau perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa percukaian.

**Zurich General Insurance Malaysia Berhad** (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)



Cap dagangan dipaparkan adalah didaftarkan di bawah nama  
Zurich Insurance Company Ltd di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia

